

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November, 1989

AKP 300 - Pengurusan Kewangan

Masa : [3 JAM]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SOALAN 1** dan mana-mana **TIGA** soalan lain.

1. Lampiran A yang dilampirkan bersama kertas ini memberi maklumat-maklumat tentang Syarikat Tractors Malaysia Holdings Bhd. Sila kaji Lampiran A dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikut:

(a) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor (selain daripada kejatuhan jualan) yang menyebabkan kesulitan Tractors Malaysia pada tahun 1983/85?

[15 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Tractors Malaysia yang mengakibatkan pemulihannya pada tahun 1986/87?

[15 markah]

(c) Membentukkan penyata untung rugi proforma bagi tahun 1988 untuk Tractors Malaysia.

[10 markah]

...2/-

2. (a) Beri definisi risiko dalam bidang kewangan.
(b) "Adalah pasti bahawa kejadian masa akan datang tidak boleh diramalkan dengan tepat". Sila jelaskan bagaimana seorang pengurus kewangan boleh membentukkan penyata-penyata proforma dengan lebih berkesan walaupun penyata ini adalah benar.

[20 markah]

3. (a) Jelaskan apakah andaian-andaian di belakang "Capital Asset Pricing Model" (CAPM).
(b) Apakah alasan-alasan yang menyebabkan CAPM kurang berapplikasi di Malaysia?

[20 markah]

4. Seorang pengurus yang konservatif seperti Tan Sri Tan Chin Tuan tidak suka menggunakan modal pinjaman. Firma-firma di bawah kawalannya diuruskan tanpa pinjaman. Apakah hujah yang menyokong dan membantah falsafah pengurusan ini?

[20 markah]

5. Sila jelaskan dalam bahasa yang mudah difahami, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh seorang pengurus kewangan sebuah firma supaya ia boleh menambah nilai kepada pemilik-pemilik firma itu. Anda boleh andaikan bahawa pasaran kewangan adalah cekap.

[20 markah]

6. (a) Bandingkan pendekatan belanjawan modal Nilai Masa Kini Bersih (Nett Present Value) dan Kadar Pulangan Dalam (Internal Rate of Return).
(b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan belanjawan modal menjadi satu proses yang amat tidak tentu?

[20 markah]

...3/-

7. (a) Satu "Share swap" adalah satu proses mendapat (memperolehi) aset baru tanpa membayar wang tunai di kalangan firma-firma tempatan. Dalam proses ini, sebuah firma menerbitkan sebilangan saham sebagai pertukaran untuk aset yang didapati. Jelaskan mengapa proses ini mengandungi satu kos kepada firma itu walaupun ia tidak membayar sebarang wang.
- (b) Membandingkan kegunaan ekuiti baru dan untung tertahan sebagai sumber modal baru.

[20 markah]

LAMPIRAN A

MAKLUMAT-MAKLUMAT BAGI TRACTORS MALAYSIA BHD(A) PENGENALAN

Syarikat Tractors Malaysia Holdings Bhd adalah pengedar terbesar jentera-jentera dan mesin-mesin berat di Malaysia. Produknya meliputi, mesin bulldozer, jentolak, jenkaut, enjin disel dan penjana elektrik yang digunakan terutamanya oleh industri pembinaan, perhutanan dan pertanian. Dari tahun 1983, perniagaannya telah merosot dengan serius oleh sebab satu demi satu industri tersebut telah mengalami kemerosotan yang teruk. Tapi, dengan adanya seorang eksekutif besar yang baru (En David Park) pada 1985, ia pun telah memulih sedikit pada tahun 1986. Pada 1986 dan 1987, proses pemulihan kian dipercepatkan. Dan pada 1988, proses ini boleh dikatakan adalah lengkap. Harga sahamnya, yang ada di paras \$4.00 - \$5.00 pada 1982-83, jatuh serendah \$0.84 pada 1986 tapi harga telah mencapai \$9.00 pada 1989.

(B) KUNCI KIRA-KIRA

| | JUN 82 M\$'000 | JUN 83 M\$'000 | JUN 84 M\$'000 | JUN 85 M\$'000 | JUN 86 M\$'000 | JUN 87 M\$'000 |
|--|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|--|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|

(i) MODAL DICUNAKAN

| | | | | | | |
|--------------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| MODAL SAHAM | 108000 | 108000 | 108000 | 108000 | 108000 | 108000 |
| JUMLAH REJAB | 174759 | 240280 | 211599 | 167890 | 171174 | 171610 |
| JUMLAH EKUITI PEMEGANG SAHAM | 282759 | 348280 | 319599 | 275890 | 279174 | 279610 |
| KEPENTINGAN MINORITI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 301 |
| PINJAMAN JANGKA PANJANG | 57080 | 11887 | 5700 | 0 | 0 | 0 |
| CUKAI TERTUNDА | 395 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| TANGGUNGAN JANGKA PANJANG LAIN | 2931 | 2721 | 2441 | 2062 | 1655 | 1605 |
| JUMLAH MODAL DIGUNAKAN | 343165 | 362888 | 327740 | 277952 | 280829 | 281516 |

(ii) HARTA DIGUNAKAN

| | | | | | | |
|--------------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| HARTA TETAP - TANAH & BANGUNAN | 47847 | 41327 | 44950 | 42899 | 36213 | 57314 |
| HARTA TETAP LAIN | 18958 | 15771 | 15379 | 13352 | 9640 | 17833 |
| SYARIKAT BERSEKUTU | 3240 | 3468 | 3778 | 4181 | 3984 | 0 |
| PELABURAN-PELABURAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2641 |
| JUMLAH HARTA JANGKA PANJANG | 70045 | 60566 | 64107 | 60432 | 49837 | 77788 |
| STOK-STOK | 305070 | 216939 | 120142 | 124476 | 98719 | 58513 |
| SIBERHUTANG DAGANGAN | 286956 | 234307 | 212446 | 117325 | 93836 | 68152 |
| SIBERHUTANG LAIN | 0 | 2501 | 874 | 9464 | 7763 | 2456 |
| WANG TUNAI BAKI BK & SIMPANAN | 301 | 277 | 32353 | 638 | 59901 | 118121 |
| JUMLAH HARTA SEMASA | 592327 | 454024 | 365815 | 251903 | 260219 | 247242 |
| SIPIUT. DAG. & BIL BEL. BAYAR | 67796 | 43816 | 45683 | 4896 | 5635 | 7033 |
| SIPIUTANG LAIN | 1158 | 0 | 0 | 25594 | 18112 | 19893 |
| CUKAI BELUM BAYAR | 44399 | 9670 | 2436 | 1252 | 1354 | 4718 |
| DIVIDEN BELUM BAYAR | 12960 | 12960 | 12960 | 0 | 3240 | 11340 |
| OVERDRAF BANK & PINJAMAN LAIN | 192894 | 85256 | 41103 | 2641 | 886 | 530 |
| JUMLAH TANGGUNGAN SEMASA | 319207 | 151702 | 102182 | 34383 | 29227 | 43514 |
| HARTA SEMASA BERSIH | 273120 | 302322 | 263633 | 217520 | 230992 | 203728 |
| JUMLAH HARTA DIGUNAKAN | 343165 | 362888 | 327740 | 277952 | 280829 | 281516 |

(C) PENYATA UNTUNG-RUGI

| | JUN 82 M\$'000 | JUN 83 M\$'000 | JUN 84 M\$'000 | JUN 85 M\$'000 | JUN 86 M\$'000 | JUN 87 M\$'000 |
|--------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| JUALAN | 625362 | 515006 | 368897 | 227324 | 159807 | 190752 |
| KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI | 61558 | -10877 | 1822 | -26758 | 4585 | 24720 |
| CUKAI | 21308 | 444 | 1233 | 480 | 590 | 3473 |
| KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI | 40250 | -11321 | 589 | -27238 | 3995 | 21247 |
| KEPENTINGAN MINORITI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | -41 |
| PENYESUAIAN LAIN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| BHG. KEUNT. SYK. SEBEL. PER. L.BIASA | 40250 | -11321 | 589 | -27238 | 3995 | 21206 |
| PERKARA LUARBIASA & PERKARA LAIN | 0 | 96406 | -9804 | -10044 | 2309 | -1343 |
| BHG. KEUNT. SYK. SELEP. PER. L.BIASA | 40250 | 85085 | -9215 | -37282 | 6304 | 19863 |
| DIVIDEN | 19440 | 19440 | 19440 | 6480 | 3240 | 19440 |
| TAMBAHAN KEPADA REJAB | 20810 | 65645 | -28655 | -43762 | 3064 | 423 |

PERKARA-PERKARA PENTING YANG TIDAK DIKEMUKAKAN DALAM PENYATA UNTUNG-RUGI

| | | | | | | |
|---------------|------|-------|------|------|------|------|
| FAEDAH BERSIH | 5947 | 18595 | 9375 | 4422 | 824 | 112 |
| SUSUTNILAI | 6214 | 6018 | 5818 | 5630 | 4177 | 4346 |

(D) MAKLUMAT TAMBAHAN TENTANG TRACTORS MALAYSIA

| TAHUN | JUALAN \$ JUTA | JUMLAH ASET \$ JUTA | HARGA SAHAM PURATA \$ | DIVIDEN SESAHAM SEN | UNTUNG SESAHAM SEN |
|-------|-------------------|---------------------------|-----------------------------|---------------------------|--------------------------|
| 1975 | 241 | 204 | \$1.56 | 7.25 | 22.13 |
| 1976 | 277 | 222 | \$1.98 | 10.88 | 23.50 |
| 1977 | 340 | 270 | \$2.21 | 12.57 | 23.82 |
| 1978 | 412 | 331 | \$3.12 | 13.53 | 26.07 |
| 1979 | 442 | 348 | \$3.01 | 15.47 | 31.39 |
| 1980 | 635 | 447 | \$5.62 | 19.34 | 41.42 |
| 1981 | 623 | 581 | \$6.55 | 22.30 | 49.78 |
| 1982 | 625 | 662 | \$4.43 | 18.00 | 37.27 |
| 1983 | 515 | 515 | \$4.53 | 18.00 | -10.48 |
| 1984 | 369 | 430 | \$3.75 | 18.00 | 0.55 |
| 1985 | 227 | 311 | \$2.43 | 6.00 | -25.22 |
| 1986 | 160 | 309 | \$2.16 | 3.00 | 3.70 |
| 1987 | 191 | 325 | \$5.46 | 18.00 | 19.64 |

(E) ANALISA KEWANGAN

| | JUN 82 | JUN 83 | JUN 84 | JUN 85 | JUN 86 | JUN 87 |
|--|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
|--|--------|--------|--------|--------|--------|--------|

(1) NISBAH-NISBAH ASAS

| | | | | | | |
|-----------------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| NILAI PAR SESAHAM | \$1.00 | \$1.00 | \$1.00 | \$1.00 | \$1.00 | \$1.00 |
| BILANGAN SAHAM ('000) | 108000 | 108000 | 108000 | 108000 | 108000 | 108000 |
| ASET BERSIH SESAHAM | \$2.62 | \$3.22 | \$2.96 | \$2.55 | \$2.58 | \$2.59 |

(2) KEMAMPUAN MEMBAYAR

| | | | | | | |
|--------------------------------------|-------|-------|------|-------|------|--------|
| LEBIHAN KEUNTUNGAN DARI BUNGA | 11.35 | 0.42 | 1.19 | -5.05 | 6.56 | 221.71 |
| LEBIHAN KEUNTUNGAN DARI DIVIDEN | 2.07 | -0.58 | 0.03 | -4.20 | 1.23 | 1.09 |
| NISBAH PINJAMAN BERFAEDAH KPD EKUITI | 0.88 | 0.28 | 0.15 | 0.01 | 0.00 | 0.00 |
| NISBAH SEMASA | 1.86 | 2.99 | 3.58 | 7.33 | 8.90 | 5.68 |

(3) NISBAH-NISBAH PENILAIAN PENGURUSAN

| | | | | | | |
|---------------------------------|------|------|------|------|------|------|
| PUSINGGANTI JUMLAH ASET | 0 | 1.00 | 0.86 | 0.73 | 0.52 | 0.59 |
| PUSINGGANTI ASET TETAP | 9.36 | 9.02 | 6.11 | 4.04 | 3.49 | 2.54 |
| ASET SEMASA KEPADA JUALAN | 0.95 | 0.88 | 0.99 | 1.11 | 1.63 | 1.30 |
| HARI STOK | 178 | 154 | 119 | 200 | 225 | 112 |
| TEMPOH PENERIMAAN | 167 | 166 | 210 | 188 | 214 | 130 |
| TEMPOH PEMBAYARAN (IKUT JUALAN) | 40 | 31 | 45 | 8 | 13 | 13 |

(4) NISBAH KEUNTUNGAN

| | | | | | | |
|-------------------------|-------|--------|-------|---------|-------|--------|
| MARGIN UNTUNG KENDALIAN | 7.43% | 1.50% | 3.04% | -9.83% | 3.38% | 13.02% |
| MARGIN UNTUNG BERSIH | 6.44% | -2.20% | 0.16% | -11.98% | 2.50% | 11.14% |

(5) NISBAH PENCAPAIAN

| | | | | | | |
|---|-------|----------|---------|-----------|---------|---------|
| KADAR PERTUMBUHAN JUALAN TAHUNAN | NA | -17.65% | -28.37% | -38.38% | -29.70% | 19.36% |
| KADAR PERTUMBUHAN UNTUNG TAHUNAN | NA | -128.13% | 105.20% | -4724.45% | 114.67% | 430.81% |
| PULANGAN ATAS EKUITI PEMEGANG SAHAM (%) | 14.23 | -3.25 | 0.18 | -9.87 | 1.43 | 7.58 |

NOTA:

NA = Data untuk pengiraan nisbah tidak diberi

--oooo000oooo--